

224

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

SOALAN : NO. 286

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan:-

(a) adakah Kementerian bersedia mengarahkan mana-mana universiti yang menawarkan kursus pengajian yang tidak diiktiraf oleh badan profesional, seperti Majlis Peguam misalnya, menghentikan serta merta penawaran kursus tersebut dan membayar ganti rugi / pampasan kepada pelajar atau ibu bapa yang anak mereka mengambil kursus yang tidak diiktiraf itu; dan

(b) senaraikan secara terperinci kursus-kursus di universiti awam dan swasta yang masih ditawarkan tetapi masih belum diiktiraf sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua program akademik yang hendak ditawarkan oleh Universiti Awam (UA) perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi. Manakala akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia pula diberi berdasarkan kepada pematuhan terhadap Kerangka Kelayakan Malaysia, Standard Program dan dasar-dasar semasa. Bagi pengiktirafan kelayakan oleh badan profesional diberikan kepada universiti oleh badan profesional itu sendiri.

Dalam situasi yang dinyatakan, kelayakan tersebut perlu memenuhi ketetapan badan profesional yang berkaitan contohnya pihak Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang (LKPU). Badan profesional boleh menetapkan syarat tambahan bagi tujuan pengiktirafan untuk berdaftar sebagai pengamal profesion.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa mengemaskini maklumat program pengajian yang telah mendapat akreditasi dan tersenarai di Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*). Sehingga 31 Disember 2017, terdapat 12,591 program pengajian telah tersenarai di dalam daftar berkenaan.

Pada masa kini terdapat 45 program di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang tidak mendapat pertimbangan akreditasi. Walau bagaimanapun, rayuan akreditasi bagi program yang gagal mendapat akreditasi penuh boleh dibuat melalui Jawatankuasa Penasihat Rayuan Akreditasi Pendidikan Tinggi.

226

SOALAN : 287

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
[SABAK BERNAM]
TARIKH : -
SOALAN : 287**

Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kes kanser usus yang dilaporkan bagi tempoh 2013 hingga 2017 dan bilangan pesakit yang telah meninggal dunia akibat dari kanser usus serta nyatakan punca dan langkah pengawalan kanser usus di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Menurut Laporan Registri Kanser Kebangsaan 2007-2011, sejumlah 13,693 kes kanser usus telah dilaporkan di Malaysia sepanjang tempoh lima tahun tersebut. Ia juga merupakan kanser yang kedua tertinggi di Malaysia.

Selain itu, KKM juga bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.

Untuk makluman YB Sabak Bernam, masalah dihadapi adalah kerana lebih 60% kes-kes kanser usus besar dikesan lewat menyebabkan peluang untuk sembuh sepenuhnya berkurang. Punca utama kelewatan dalam pengesanan kanser adalah disebabkan pesakit tidak menjalani ujian saringan atau lewat mendapatkan nasihat doktor apabila mereka mempunyai gejala-gejala kanser. selain itu, terdapat pesakit yang setelah dikesan kanser pada peringkat awal, cenderung untuk tidak meneruskan rawatan di hospital serta mengambil rawatan alternatif yang tidak terbukti keberkesanannya. Mereka ini pada akhirnya akan kembali ke hospital dan berada pada tahap kanser yang lebih teruk.

Pada tahun 2014, KKM telah memulakan program saringan kanser usus besar atau kanser kolorektal dengan mengesan kehadiran darah dalam najis menggunakan, *Immunological Fecal Occult Blood Test* (iFOBT) di klinik-klinik kesihatan diikuti dengan prosedur kolonoskopi di hospital. Aktiviti-aktiviti yang memberi fokus kepada peningkatan pengetahuan serta kesedaran rakyat tentang kepentingan saringan kanser usus besar dipergiat lagi dengan menjalin kerjasama dengan agensi-agensi lain termasuk NGOs. Selain itu, pesakit dinasihatkan untuk tidak melengahkan rawatan dan mendapatkan rawatan yang terbukti berkesan di hospital.

Daripada 25,537 kes kolorektal yang dilaporkan untuk kes insiden 2007-2017 ke Registri Kanser Kebangsaan sejumlah 11,349 kes telah meninggal dunia dengan kadar 44.4%. Walau bagaimanapun, kematian untuk kes insiden tahun 2012-2017 belum dibuat semakan status terkini dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Manakala kes 2007-2011 telah dibuat semakan status kematian dengan JPN sehingga 31 Disember 2016 yang mana ianya merupakan angka yang lebih tepat dan terkini.

Faktor yang menyumbang kepada punca peningkatan risiko untuk mendapat kanser secara umumnya adalah pelbagai. Kira-kira 90 – 95 % adalah dikaitkan dengan faktor amalan gaya hidup tidak sihat dan persekitaran. Selebihnya, iaitu 5-10% adalah dikaitkan dengan faktor keturunan atau genetik. Anggaran 30 – 50% kejadian kanser boleh dicegah dengan amalan gaya hidup sihat.

Peningkatan risiko untuk mendapat kanser usus besar secara khususnya dikaitkan dengan kurang pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan serta kehidupan sedentari atau tidak aktif secara fizikal. Selain itu, sejarah polip usus dan radang usus yang pernah dihidapi juga meningkatkan risiko mendapat kanser usus besar.

Sebagai langkah kawalan, Kerajaan kini giat mengadakan program-program yang memberi fokus kepada memperkasa komuniti agar mereka lebih mengamalkan gaya hidup sihat. Langkah ini dijangka dapat meningkatkan kesedaran rakyat dengan lebih efektif tentang pencegahan penyakit-penyakit tidak berjangkit termasuk kanser.